



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/BP/DS10/673/11(s.k. 1/2008)(16)

28 Februari 2009

Ketua Setiausaha Negara
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

Penurunan Kuasa Kepada Pegawai Pengawal Untuk Meluluskan Penyediaan Kemudahan Secara Pakej Bagi Penganjuran Program Rasmi Jabatan Atau Semasa Pegawai Bertugas Rasmi/ Berkursus Dalam Negara

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti Y.Bhg Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan sedia maklum, penyediaan kemudahan penginapan, makan/ minum dan sebagainya kepada pegawai yang bertugas rasmi/ berkursus di dalam atau di luar negara disediakan secara tuntutan bayaran balik oleh pegawai (Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 dan 4 Tahun 2003 dan Bil. 3 Tahun 2005).

3. Sehubungan itu, bagi memudahkan kementerian/ jabatan menguruskan program rasmi dan menyediakan kemudahan kepada pegawai semasa menjalankan tugas rasmi/ berkursus di dalam negara, Perbendaharaan bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal bagi meluluskan penyediaan kemudahan secara pakej melalui penggunaan Pesanan Tempatan Kerajaan (PT) tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- i. penyediaan kemudahan secara pakej/ PT hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:
 - a. semasa kementerian/ jabatan menganjurkan program rasmi jabatan seperti persidangan, konvensyen, seminar, bengkel, mesyuarat atau kursus di luar pejabat; dan
 - b. apabila pegawai bertugas rasmi/ berkursus:
 - jika bertugas/ berkursus secara berseorangan hendaklah perlu menginap di luar ibu pejabat tidak kurang daripada 5 malam berturut-turut. Walau bagaimanapun, peraturan ini dikecualikan sekiranya penganjur mengenakan syarat penggunaan PT; atau

- jika berkumpul, jumlah pegawai yang perlu bermalam hendaklah sekurang-kurangnya 2 orang;
- ii. penyediaan kemudahan yang dibenarkan melalui penggunaan PT adalah bagi kemudahan:
 - a. penginapan;
 - b. makan/ minum; atau
 - c. pakej kedua-duanya;
- iii. bagi penganjuran program rasmi jabatan, Pegawai Pengawal boleh meluluskan pegawai di dalam stesen disediakan makan/ minum sahaja semasa menghadiri program berkenaan;
- iv. jumlah keseluruhan kos penginapan atau/ dan makan/ minum hendaklah tidak melebihi jumlah kelayakan pegawai seperti yang dinyatakan dalam peraturan semasa yang berkuat kuasa;
- v. bayaran sewaan bilik mesyuarat/ dewan adalah tidak termasuk jumlah kos keseluruhan kelayakan pegawai di perenggan (iv). Walau bagaimanapun, kementerian/ jabatan hendaklah memastikan penyediaan kemudahan ini adalah amat perlu dan kadar bayaran yang dikenakan adalah sesuai dan munasabah dengan tahap kemudahan yang disediakan;
- vi. bagi program rasmi jabatan yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), kadar atau pakej makan/ minum, bilik mesyuarat/ dewan dan peralatan adalah tertakluk kepada kadar dan syarat yang telah ditetapkan oleh PICC;
- vii. kementerian/ jabatan hendaklah menguruskan sendiri pakej tersebut dengan pihak hotel/ pusat berkenaan dan penggunaan *travel agent*, *event manager* atau pihak lain adalah tidak dibenarkan;
- viii. kementerian/ jabatan hendaklah mempunyai peruntukan semasa yang mencukupi bagi tujuan ini;
- ix. pegawai tidak lagi layak menuntut kemudahan penginapan, makan/ minum, pengangkutan tempatan dan sebagainya yang telah disediakan oleh Kerajaan/ penganjur;
- x. Pegawai Pengawal boleh mewakili kuasa secara bertulis kepada pegawai kanan lain sehingga kepada Setiausaha/ Pengarah Bahagian Kewangan atau Ketua Bahagian yang bertanggungjawab ke atas pengeluaran PT di kementerian/ jabatan untuk menimbang dan meluluskan kemudahan ini;


- xi. Pegawai Pengawal atau mana-mana Pegawai Kanan/ Ketua Bahagian yang diberikan kuasa secara bertulis hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan perbelanjaan yang dibuat adalah secara berhemat, selaras dengan dasar Kerajaan dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa;
- xii. tindakan tatatertib dan surcaj boleh diambil ke atas pegawai sekiranya tidak mengikut peraturan atau menyalahgunakan kemudahan ini; dan
- xiii. Perbendaharaan boleh membatalkan penurunan kuasa ini kepada mana-mana kementerian/ jabatan yang didapati tidak mematuhi peraturan dan syarat yang ditetapkan.

4. Penurunan kuasa ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan. Sehubungan itu, surat penurunan kuasa yang telah dikeluarkan oleh Perbendaharaan kepada mana-mana kementerian/ jabatan sebelum ini adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)

s.k.:

Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia